



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	16 October 2015

Jerebu: Najib minta saintis cari jalan penyelesaian

um-16/10/2015

KUALA LUMPUR 15 Okt. - Perdana Menteri menegaskan, masalah jerebu yang menjejaskan rantau ini termasuk Malaysia sejak beberapa tahun lalu sehingga mendatangkan banyak kerugian akan menjadi agenda utama negara dalam Sidang Kemuncak ASEAN Ke-27 bulan depan.

Sehubungan itu, Datuk Seri Najib Tun Razak meminta saintis-saintis yang hadir dalam Mesyuarat Ketiga Ketua-Ketua Penasihat Sains dan Setara Bagi Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) dapat membincangkan masalah tersebut dari sudut saintifik terutama punca berlaku kebakaran terbuka dan langkah-langkah mengatasinya.

Najib berkata, hasil laporan dalam mesyuarat selama dua hari itu yang diadakan di ibu negara bermula hari ini, akan dijadikan rujukan dalam ucapan beliau sempena Sidang Kemuncak ASEAN dan mesyuarat APEC akan datang untuk diambil tindakan.

"Kami telah menderita masalah jerebu sejak beberapa tahun lalu. Saya harap mesyuarat ini dapat membincangkannya, bagaimana kita perlu menghadapi pembakaran terbuka dan langkah-langkah mengatasinya.

"Adakah ini berpunca daripada cuaca yang terlalu panas atau sebab lain, saya akan menunggu nasihat dan laporan daripada mesyuarat ini untuk disampaikan dalam Sidang Kemuncak ASEAN dan mesyuarat APEC nanti," katanya ketika berucap melancarkan mesyuarat tersebut di sini hari ini.

Yang turut hadir Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh; Penasihat Sains Perdana Menteri, Prof. Emeritus Tan Sri Zakri Abdul Hamid dan Penasihat Sains Perdana Menteri New Zealand, Peter Gluckman.

Selain saintis Malaysia, mesyuarat berkenaan yang dipengerusikan bersama Zakri dan Gluckman turut dihadiri saintis-saintis dari China, Jepun, New Zealand, Papua New Guinea, Filipina, Rusia, Singapura, Taipei, Thailand dan Amerika Syarikat (AS).

Perdana Menteri berkata, kerjasama antara pelbagai negara diperlukan dalam memperkembangkan bidang sains terutama untuk menghadapi banyak cabaran membabitkan perubahan iklim, jaminan keselamatan dan bekalan air, pembasmian kemiskinan serta penjagaan kesihatan.

Katanya, di peringkat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Malaysia telah memainkan peranan penting dalam dunia sains termasuk gesaan penjagaan terhadap benua Antartika yang membawa kepada penghasilan persetujuan Sistem Perjanjian Antartika (ATS) dalam kalangan negara ahlinya.

Menurut beliau, dalam usaha membangunkan bidang sains tempatan, Malaysia turut melancarkan Inisiatif Sains Untuk Tindakan (S2A) yang telah diaktifkan untuk mencari jalan memastikan banjir besar yang melanda negara terutama di pantai timur tahun lalu tidak berulang.